



(4)dlm.SUKJ.574/2/16
29 Ogos 1995

Semua Ketua-Ketua Jabatan/Penguasa Tempatan,
Badab Berkanun/Agensi Negeri,

**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BIL.2 TAHUN 1995**

PERHIMPUNAN PAGI

Berhubung dengan perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memutuskan suonya satu Perhimpunan Pagi diadakan pada tiap-tiap hari Isnin yang pertama pada tiap-tiap bulan mulai 4 September 1995.

2. Semua Jabatan / Badan Berkanun / Agensi Negeri adalah dikehendaki mengambil tindakan menganjurkan Perhimpunan Pagi di tempat yang sesuai di bangunan masing-masing bermula tepat pada jam 8.00 pagi dan berakhir tidak lewat daripada jam 8.20 pagi.

3. Susunan acara perhimpunan adalah seperti berikut: -

- 3.1. Bacaan doa.
- 3.2. Menyanyikan lagu Negara Ku.
- 3.3. Ucapan Ketua Jabatan/Badan Berkanun/Penguasa Tempatan/Agensi Negeri.
- 3.4. Menyanyikan lagu Bangsa Johor.

4. Kehadiran semua pegawai dan kakitangan adalah diwajibkan. Bagi Badan-badan Berkanun dan Penguasa-Penguasa Tempatan, Perhimpunan Pagi ini hendaklah dihadiri oleh semua pegawai-pegawai dan kakitangan yang mengikuti masa bekerja waktu pejabat. Ketua-ketua jabatan bertanggungjawab memastikan supaya peraturan ini dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**(DATO' ISHAK BIN MOHD.YUSOF)
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR.**